

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 AUGUST 2016

PINDAAN PERKARA MEMBABITKAN KUASA YANG DI-PERTUAN AGONG DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Kajian semula proses semak, imbang

BH - 28/8/2016

Pindaan terhadap perkara membabitkan kuasa Yang di-Pertuan Agong lebih tiga dekad lalu mendatangkan implikasi buruk terhadap institusi Raja yang berfungsi sebagai institusi semak dan imbang, sekali gus melenyapkan keseimbangan terhadap mana-mana perundangan yang dianggap menggugat struktur asas Perlembagaan Persekutuan dan negara.

Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1983 itu secara langsung memansuhkan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk memberikan atau menyampaikan pandangan sebagai mekanisme semak dan imbang. Kesannya begitu dirasai ketika ini apabila Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja tidak lagi berupaya menyemak dan memberi pandangan, khususnya dalam isu darurat yang diperuntukkan dalam Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pindaan dilakukan bekas Perdana Menteri itu secara jelas mengurangkan kuasa Yang di-Pertuan Agong

dan memberikan kuasa lebih besar kepada Parlimen, sekali gus baginda tidak boleh mengatasi kuasa yang ada pada Parlimen.

Akta MKN digubal

Menerusi blognya, Dr Mahathir mengatakan pindaan itu terbuka kepada tafsiran yang berbeza, namun tiada siapa boleh menafikan bahawa penggubalan Akta MKN bertepatan dengan proses perundangan. Berikutan itu, Dr Mahathir tidak boleh menuduh kerajaan melangkau niatnya (niat sebenar pindaan itu dilakukan) kerana ia tidak ada atau tidak tertera dalam Perlembagaan Persekutuan, malah tidak melangkau mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan Perkara 66 (4) sangat jelas dan nyata, bahkan dipinda kali kedua, kalau Dr Mahathir mendakwa niat sebenarnya masih lagi untuk menjaga Raja-Raja Melayu, kenapa dipinda kali kedua, sewajarnya pindaan untuk kali pertama sudah mencukupi dan memadai. Menerusi peruntukan

Perkara 66(4), Yang di-Pertuan Agong hendaklah memberi perkenan kepada Rang Undang-Undang dalam masa 30 hari, yang ada sekarang ialah melalui pindaan Seksyen 8 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1994 (A885) berkuat kuasa 24 Jun 1994.

Bagi mengurangkan implikasi terhadap institusi Raja, dicadangkan supaya Yang di-Pertuan Agong diberi peluang menyemak semula Rang Undang-Undang yang dikembalikan selepas diluluskan kali kedua di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Jika Yang di-Pertuan Agong tetap tidak bersetuju, maka Rang Undang-Undang itu boleh menjadi akta tanpa kebenaran baginda, namun peluang kedua diberikan bukan menggunakan tempoh 30 hari seperti sekarang.

Kalau boleh, kita mengikut amalan ketika pemerintahan Raja-Raja Melayu apabila Perlembagaan Terengganu pada 1911 memberi ruang empat kali kepada Sultan untuk menyemak Rang Undang-Undang, namun cukuplah dua kali diberikan peluang dan ruang.



Dicadangkan supaya Yang di-Pertuan Agong diberi peluang menyemak semula Rang Undang-Undang yang dikembalikan selepas diluluskan kali kedua di Dewan Rakyat dan Dewan Negara”

Komentari



Prof Madya Dr Shiamrahayu A Aziz

Pakar Perlembagaan dan Felo Utama Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik (Syarak) Institut Kefahaman Islam Malaysia